

# Pemuda cari kaedah sekat keganasan Israel

BH - 16/7/2006

## Jalin persefahaman dengan pemimpin muda negara OIC, NAM

Oleh Wan Faizal Ismayatim

**K**OTA BHARU: Pergerakan Pemuda Umno akan mewujudkan rantaian dengan pemimpin muda dari kalangan negara anggota Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), Asean dan Pergerakan Berkecuali (NAM) untuk mencari kaedah menghalang keganasan yang dilakukan Israel terhadap Palestin dan rantau Asia Barat.

Ketuanya, Datuk Seri Hishammuddin Hussein, berkata beliau akan menggerakkan biro Pemuda serta menghantar wakil ke negara berkenaan bagi mengadakan perbincangan dan menjalin persefahaman mengenai hasrat itu.

"Kita harap kaedah ini dapat memberi amaran kepada negara seperti Amerika Syarikat dan Perancis yang membiisu dan memberi sokongan ke-

**“***Kita harap kaedah ini dapat memberi amaran kepada negara seperti Amerika Syarikat dan Perancis yang membiisu dan memberi sokongan kepada Israel untuk bertindak sesuka hati”*

**Hishammuddin Hussein**  
Ketua Pergerakan Pemuda Umno

pada Israel untuk bertindak sesuka hati.

"Generasi muda kalau digemblengkan secara berterusan, suara mereka suatu hari nanti akan menjadi lebih besar. Untuk itu, saya akan memilih wakil Pemuda Umno untuk ke negara berkenaan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan kejohanan futsal dan bola jaring Kelantan di Sekolah Menengah Kebangsaan Kok Lanas, di sini, semalam.

Khamis lalu, tentera Israel mengedemulakan Lapangan Terbang Antarabangsa Rafik Hariri di Beirut, mengadakan hadangan laut ke atas Lubnan serta melancarkan serangan udara yang membunuh 62 orang awam dan mencederakan lebih 100 lagi.

Lubnan adalah medan konflik kedua tentera Israel yang turut menyerang Semenanjung Gaza, konon-

nya untuk membebaskan seorang askarnya daripada tawanan pejuang Palestin.

Hishammuddin berkata, sebelum ini Pemuda Umno sedaya-upaya menjalankan pelbagai cara termasuk demonstrasi, perhimpunan, konvensyen, simposium tetapi rejim Israel tidak mempedulikan pendirian dunia.

"Kita nak fikir kaedah lain untuk menyedarkan orang ramai bukan saja di Malaysia tetapi juga di dunia bahawa isu ini perlu dilihat secara berterusan.

"Sebagai permulaan, kita akan adakan kempen kesedaran di negara ini terlebih dulu... selepas itu, ia diperluaskan kepada pemimpin muda dunia sebagai langkah jangka panjang dan kita tak mahu generasi muda terlupa ketika kita sedang bergembira, ada orang lain yang menderita," katanya.